

**SECTION A : 75 MARKS**  
**BAHAGIAN A : 75 MARKAH**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **THREE (3)** structured questions. Answer **ALL** questions.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan berstruktur. Jawab **SEMUA** soalan.*

**QUESTION 1**  
**SOALAN 1**

CLO1  
C1

- a) Define the concept of sustainable tourism development.

*Takrifkan konsep pembangunan pelancongan mampan*

[5 marks]

[5 markah]

CLO1  
C3

- b) The environment is the most fundamental element of the tourism product such as Taman Negara which offer nature activities for examples bird watching, guided walk and visiting aboriginal village. Interpret **FIVE (5)** criterias of ecotourism that we can apply in sustaining the environment.

*Alam sekitar merupakan bahan asas yang diperlukan di dalam produk pelancongan seperti Taman Negara yang menawarkan aktiviti alam semulajadi contohnya pemerhatian burung, jalan berpandu dan melawat kampung orang asli. Tafsirkan **LIMA (5)** kriteria eko-pelancongan yang kita boleh aplikasikan di dalam mengekalkan alam sekitar.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1  
C3

- c) The environmental dimension in sustainable tourism is not just the natural landscape. There are **FIVE (5)** aspects of the environment which are:

*Di dalam pelancongan mapan, dimensi alam sekitar bukan hanya tertumpu kepada landskap semulajadi. Terdapat **LIMA (5)** aspek alam sekitar iaitu:*

- i. The natural resources  
*Sumber semulajadi*
- ii. The natural environment  
*Persekitaran semulajadi*
- iii. The farmed environment  
*Persekitaran ladang*
- iv. Wildlife  
*Hidupan liar*
- v. The built environment  
*Persekitaran bangunan*

Discuss the relationship between all of the aspects of environment and tourism.

*Bincangkan hubungkait di antara kesemua aspek alam sekitar tersebut dengan pelancongan.*

[10 marks]  
[10 markah]

**QUESTION 2**  
**SOALAN 2**

‘Currently, it is widely recognised that ecotourism activities are increasing and coastlines are under growing pressure from tourism and other economic activities, resulting an increased pressure on fragile resources and a greater need for planning and management’.

*‘Pada masa kini, aktiviti eko-pelancongan semakin meningkat dan ianya memberi kesan pertambahan tekanan kepada pesisiran pantai hasil daripada aktiviti pelancongan dan aktiviti ekonomi lain, akhirnya mengakibatkan tekanan pula kepada sumber-sumber yang sensitif, dan keperluan yang lebih besar diperlukan bagi perancangan dan pengurusan.*

CLO1  
C3

- a) The above statement describe the impacts resulting from tourism development. Relate **FIVE (5)** negative impacts of visitor overcrowding towards the environment of marine park.

*Pernyataan di atas menerangkan impak- impak negatif hasil dari pembangunan pelancongan. Hubungkaitkan **LIMA (5)** impak negatif yang boleh berlaku akibat daripada kesesakan pelawat terhadap persekitaran taman laut.*

[10 marks]  
[10 markah]

CLO1  
C3

- b) Give suggestions on how to manage the impact of visitor overcrowding at a marine park.

*Berikan cadangan bagi menguruskan impak akibat daripada kesesakan pelawat di taman laut.*

[15 marks]  
[15 markah]

**QUESTION 3**  
**SOALAN 3**CLO2  
C1

- a) List
- FIVE (5)**
- examples of marine parks in Malaysia.

*Senaraikan **LIMA (5)** contoh taman-taman laut di Malaysia.*[5 marks]  
[5 markah]CLO2  
C2

- b) Apart from the government as a stakeholder, there are also some non-government social environmental organizations worldwide. Explain
- FIVE (5)**
- roles of Sahabat Alam Malaysia (SAM) in supporting sustainable tourism in Malaysia.

*Selain dari pihak kerajaan sebagai pihak berkepentingan, terdapat juga badan-badan bukan kerajaan berasaskan sosial dan alam sekitar yang wujud di seluruh dunia. Terangkan **LIMA (5)** peranan yang dimainkan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM) di dalam menyokong pelancongan mampan di Malaysia.*[10 marks]  
[10 markah]CLO2  
C1

- c) Recognize
- FIVE (5)**
- roles of tourism operators and
- FIVE (5)**
- roles of local communities in supporting sustainable tourism.

*Kenalpasti **LIMA (5)** peranan yang perlu dimainkan oleh operator pelancongan dan **LIMA (5)** peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat setempat di dalam menyokong pelancongan mampan.*[10 marks]  
[10 markah]

**SECTION B : 25 MARKS**  
**BAHAGIAN B : 25 MARKAH**

**INSTRUCTION:**

This section consists of **TWO (2)** structured questions. Answer **ONE (1)** question only.

**ARAHAN:**

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan berstruktur. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja.*

**QUESTION 1**

**SOALAN 1**

CLO1  
C3

- a) Taman Negara Pahang is estimated to be 130 million years old and has a reputation as one of the world's oldest tropical rainforest. The park conserves more than 3000 species of flowering plants, 200 species of pteridophytes and a host of wildlife. Interpret **FIVE (5)** visitor management techniques that could be implemented by the management in ensuring the sustainability of the national park.

*Taman Negara Pahang dianggarkan berusia 130 juta tahun dan mempunyai reputasi sebagai salah satu hutan hujan tropika yang tertua di dunia. Taman ini memelihara lebih daripada 3000 spesies tumbuhan berbunga, 200 spesies pteridophytes dan pelbagai spesies hidupan. Tafsirkan **LIMA (5)** teknik menguruskan pelawat yang boleh dilaksanakan oleh pihak pengurusan tempat tersebut bagi memastikan taman negara tersebut kekal mampan.*

[10 marks]  
[10 markah]

CLO1  
C3

- b) **'Greenwashing'** is the practice of misleadingly promoting tourism products as environmentally sustainable practice. As a tourism operator, how can you identify if the business really an ecotourism destination?

*'Greenwashing' merupakan amalan mengelirukan di dalam mempromosi sesuatu produk pelancongan yang dilabelkan sebagai mengamalkan mampan alam sekitar. Sebagai seorang operator pelancongan, bagaimanakah untuk anda mengenalpasti bahawa sesuatu produk pelancongan itu benar-benar merupakan destinasi eko-pelancongan?*

[15 marks]  
[15 markah]

**QUESTION 2**  
**SOALAN 2**CLO1  
C3

- a) For many countries, tourism is seen as one of the main instruments for regional development, as it stimulates new economic activities. Tourism may have a positive impact, but it may also have negative effects particularly on the economic. Determine the roles of tourism based on the positive and negative impact it has on the economic development.

*Bagi kebanyakan negara, pelancongan dilihat merupakan salah satu alat bagi pembangunan serantau, kerana ia merangsang aktiviti ekonomi baharu. Pelancongan mempunyai impak positif, malahan juga boleh memberi impak negative khususnya ke atas ekonomi. Tafsirkan peranan pelancongan dari sudut impak positif dan negatif terhadap sesuatu pembangunan ekonomi.*

[10 marks]  
[10 markah]

CLO1  
C3

- b) Established in 1964, Kinabalu Park is one of the most visited parks in Malaysia. As Malaysia's first World Heritage Site and a popular destination, the number of visitors to Kinabalu Park (including from various sub-stations) for the year 2012 was 715,927 visitors, where almost 40% of the visitors went to the park's headquarters. Interpret **FIVE (5)** applicable ways to manage the impact of tourism activities to the environment of Kinabalu Park.

*Ditubuhkan pada tahun 1964, Taman Kinabalu merupakan salah satu taman yang sering dikunjungi di Malaysia. Sebagai Tapak Warisan Dunia yang pertama di Malaysia dan merupakan destinasi terkenal, jumlah pelawat yang datang ke Taman Kinabalu (termasuk dari pelbagai sub-stesyen) bagi tahun 2012 adalah sebanyak 715,927 orang pelawat, di mana hampir 40% daripadanya melawat ibu pejabat taman tersebut. Huraikan **LIMA (5)** cara yang boleh diaplikasikan bagi menguruskan impak aktiviti pelancongan terhadap alam sekitar di Taman Kinabalu.*

[15 marks]  
[15 markah]

**SOALAN TAMAT**